

PENGAPLIKASIAN DISPLIN AL-TAHAMMUL DAN AL-ADA' KE ATAS PERIWAYATAN OKU PENGLIHATAN: KAJIAN SOROTAN

Mohd Nur Adzam Rasdi
Ahmad Kamil Jamilin
Saiful Azri Sharuddin
Sh Md Hafiz Ridzuan Syeikh Mahadi
Ahmad Izzuddin Abu Bakar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia

nuradzam@usim.edu.my

Abstrak

Ilmu periwayatan hadis nabawi adalah salah satu elemen utama yang menjadi platform tempat berdirinya agama Islam dengan kukuh. Di dalam disiplin ilmu ini, aspek periwayatan sangat diberi penekanan bagi menjamin kelestarian bahan-bahan yang diriwayat. Kecacatan yang terdapat pada seseorang perawi akan menjadi elemen yang mempengaruhi keabsahan sesebuah periwayatan. Namun kecacatan yang dimaksudkan di sini bukanlah kecacatan fizikal bahkan ia adalah kecacatan dari sudut '*adalah*' dan '*dhabit*' perawi yang menjadi ukuran bagi penerimaan sesebuah riwayat. Hakikatnya kecacatan fizikal tidak menghalang penerimaan sesebuah periwayatan. Telah tercatat bahawa terdapat barisan para periwayat hadis dalam kalangan OKU. Antaranya adalah para perawi yang mempunyai kecacatan penglihatan. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka perspektif periwayatan OKU Penglihatan dari kacamata disiplin ilmu al-Tahammul dan al-Ada'. Di samping itu kajian turut menyentuh beberapa dimensi berkaitan OKU Penglihatan yang berkait dengan periwayatan hadis nabawi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah penganalisaan teks bagi proses pengumpulan data. Dapatkan kajian membuktikan bahawa golongan yang dianggap kurang upaya ini sebenarnya mempunyai potensi untuk memberi sumbangan besar kepada umah apabila diberikan ruang dan peluang yang sesuai dengan mereka.

Kata kunci: Hadis, Periwayatan, OKU Penglihatan, Buta.

Abstract

The narration of the hadith of the Prophet is a significant element that would act as a pillar for the establishment of a firm Islamic religion. The narration of the hadith of the Prophet is a significant element that would act as a substantial pillar of Islam. In this field of study, the narration aspects is emphasize with intensity for ensuring the sustainability of its material. Such deficiency found in a narrator would undoubtedly affect the authenticity of the narration. However, the meant deficiency is not a physical deficiency, but in terms of the narrator's '*adalah*' and '*dhabit*' which is the important benchmark of the acceptance of the hadith. The narrators of the hadith among the disabled people are eminent and some of them are visually impaired. The aim of this study is to delve into the perspective of the narration by the visually impaired in terms of '*Tahammul*' and '*al-Ada'*'. In addition the study would also cover various aspects of the narration by the visually impaired. The study used a qualitative approach by implementing the text analysis method for the data collection process. The result signifies that those who are deemed as a disabled person is really possessed the potential of making such a great contribution towards the *ummah* given the opportunity that would certainly suit them.

Keyword: Hadith, Narration, Visually Impaired, Blind

1. PENDAHULUAN

Allah SWT telah memberikan jaminan pemeliharaan terhadap Quran dan Sunnah menerusi firmanNya dalam surah al-Hijr (15:9):

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْكِتَابَ كَرِيْمًا لَّهُ مَنْ حِفِظَهُ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami yang menurunkan *al-Dhikr* dan sesungguhnya kami yang benar-benar memeliharanya."

Article Progress
Received: 31 October 2018
Revised: 22 November 2018
Accepted: 29 November 2018

Sejarah telah menyaksikan proses pemeliharaan Quran dan Sunnah telah terbukti bukan sahaja pada aspek kemukjizatan bahkan secara teoritikal dan praktikal. Proses-proses pemeliharaan yang telah didokumentasi oleh para ilmuan ini turut melalui fasa-fasa penambahbaikan yang berterusan dari semasa ke semasa.

Salah satu daripada elemen pemelihara Sunnah Nabawiyyah yang paling utama adalah ilmu periwayatan hadis nabawi. Di antara cabang ilmu periwayatan hadis adalah ilmu berkenaan kaedah penerimaan (*al-Tahammul*) dan penyampaian (*al-Ada'*) hadis.

Kertas kerja ini merupakan satu sorotan kajian terhadap kaedah periwayatan hadis dalam kalangan OKU Penglihatan yang diberi perhatian dari perspektif disiplin *al-Tahammul* dan *al-Ada'* dalam perbahasan Ilmu Hadis.

1.1 Definisi *al-Tahammul* dan *al-Ada'*.

Perkataan *tahammul* adalah diambil atas *wazan* (تَفْعُل) daripada segi bahasa bermaksud, membawa atau mengandung atau memikul atau membebani sesuatu atau mengusung sesuatu (Ibrahim, 1999). Perkataan *tahammul* ini banyak direkodkan di dalam al-Quran dengan membawa pelbagai maksud dan pengertian. Antaranya yang diterdapat di dalam Quran:

- Sesuatu bebanan.

خَلِدِينَ فِيهِ وَسَاءَ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَمْلًا

Maksudnya: “*Dan amat buruklah dosa itu sebagai beban bagi mereka di hari Kiamat*”. (Taha: 101)

- Kandung atau kendong.

فَلَمَّا تَغَشَّهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا

Maksudnya: “*Maka setelah dicampurinya, isterinya itu mengandung kandungan yang ringan*”. (al-A’raf: 189)

- Pikul.

مَثُلُ الَّذِينَ حُمِلُوا أَلْتَوَرَلَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا

Maksudnya: “*Perumpamaan orang-orang yang dipikulkan kepada mereka (kitab) Taurat, kemudian mereka tidak memikulnya..*”. (al-Jumu’ah: 5)

Perkataan *al-Ada'* pula diambil daripada perkataan asalnya iaitu (أَدْى) yang membawa pengertian mendatangkan atau menyerahkan (Ibrahim, 1999). Ia juga membawa maksud menyampaikan. Ini dapat dilihat dalam surah al-Nisa’ melalui firman Allah :

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu menyampaikan amanat kepada orang yang berhak menerimanya*”. (al-Nisaa: 58)

Definisi *al-Tahammul* dan *al-Ada'* daripada segi istilah pula ialah :

Al-Tahammul: Merupakan satu disiplin atau kaedah yang dipraktikkan oleh ulama hadis dalam mengambil sesebuah hadis. Kaedah ini telah digariskan oleh ulama-ulama hadis kepada penuntut-penuntut hadis. Menurut Muaffiq (2009) lagi, *Tahammul* adalah satu proses yang dikhususkan bagi pengambilan dan penerimaan hadis.

Al-Ada': Merupakan satu proses penyampaian atau penyebaran hadis. Ia dikhususkan oleh ulama hadis kepada penuntut hadis dalam menyampaikan hadis hasil daripada pembelajaran yang telah dilalui.

Al-Tahammul dan *al-Ada'* seperti yang dinyatakan juga boleh disebut dengan bahasa moden seperti (الاستقبال والإرسال) yang membawa maksud “menerima dan menyampaikan” ataupun (التلقي والبلاغ) yang bermaksud “bertemu dan menyebarkan”.

2. BENTUK-BENTUK AL-TAHAMMUL DAN AL-ADA' DALAM PERIWAYATAN HADIS

Berdasarkan dokumentasi para ulama hadis, bentuk-bentuk *al-Tahammul wa al-Ada'* (periwayatan hadis) terbahagi kepada lapan pembahagian (Al-Qadi Iyyad, 1970; Ibn al-Salah, 2010; Ibn al-Athir, 1963; Al-Suyuthi, 1998; Mahmud al-Tahhan, 1997; Subhi Salih, 1988; Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 2008; SM Hafiz, 2012).


1. Pertama : *Al-Sama'*
2. Kedua : *Al-Qira'ah*
3. Ketiga : *Al-Kitabah*
4. Keempat : *Al-Munawalah*
5. Kelima : *Al-Ijazah*
6. Keenam : *Al-I'lam*
7. Ketujuh : *Al-Wasiah*
8. Kelapan : *Al-Wijadah*

2.1 *Al-Sama'* (السماع).

Menurut sebahagian besar ulama hadis, kaedah ini merupakan kaedah yang tertinggi dalam bentuk *tahammul* hadis (Al-Qadi Iyyad, 1970; Ibn al-Salah, 2010; Ibn al-Athir, 1963; Al-Suyuthi, 1998; Mahmud al-Tahhan, 2010; Subhi Salih, 1988). Hal ini adalah kerana *al-Sama'* adalah satu kaedah di mana syaikh membaca hadis dan murid mendengarnya, sama ada syaikh membaca dari hafalan atau tulisannya. Murid pula mendengar dengan membuat catatan atau hanya sekadar mendengar hadis yang dibaca oleh syaikhnya (Al-Qadi Iyyad, 1970). Kaedah *al-Sama'* ini sama ada murid mendengar langsung daripada syaikh atau di sebalik tabir. Sekiranya pendengaran di sebalik tabir, syaratnya murid mesti yakin bahawa suara yang didengari itu adalah suara syaikhnya (Ibn al-Athir, 1963).

Kaedah ini telah berlaku sejak zaman baginda Nabi SAW lagi. Para sahabat mendengar terus apa yang disampaikan oleh Nabi SAW kepada mereka. Sekiranya ada sebarang kemosyikilan dan pertanyaan, mereka terus mengajukan soalan kepada baginda. Ini merupakan kaedah yang terbaik yang disarankan oleh baginda Nabi SAW. Begitu juga dengan kaedah pengambilan hadis. Jika syaikh membacakan hadis, muridnya mendengarkan apa yang dibaca sama ada membuat catatan atau sekadar mendengar.

Perbahasan dan pandangan tentang kedudukan *al-Sama'* dan *sighah al-ada'* (lafaz penyampaian) telah dibincangkan oleh ulama-ulama hadis. Mereka mengutarakan pelbagai pandangan dan pendapat berkaitan *al-Sama'* (Muaffiq, 1993). Lafaz-lafaz penyampaian atau *sighah al-ada'* Hadis ini pada hakikatnya telah diperincikan oleh ulama-ulama hadis. Ini dapat dilihat daripada perincian yang telah dilakukan oleh ulama seperti al-Khatib al-Baghdadi (1988) yang telah mengklasifikasikan lafaz-lafaz pengambilan hadis (التحمّل) di dalam kitabnya seperti berikut :



Ibn al-Salah (2010) telah meletakkan kaedah ini di kedudukan yang tertinggi. Menurutnya, kaedah ini adalah yang paling baik dalam *tahammul*. Hal demikian kerana, murid mendengar sendiri hadis daripada syaikh. Oleh sebab itu, ia diyakini keshahihannya. Beliau juga telah menyatakan bahawa lafaz penyampaian atau *sighah al-ada'* dalam kaedah ini adalah:

(حدثنا، أخبرنا، أبأنا، سمعت فلانا يقول، وقال لنا فلان، ذكرلنا فلان).

2.2 *Al-Qira'ah.*

Al-Qira'ah adalah kaedah di mana seorang *perawi* yang membacakan hadis dan syaikh mendengar apa yang dibacakan kepadanya, atau seseorang yang lain membacakan hadis kepada syaikh dan *perawi* itu mendengar apa yang dibacakan, sama ada membacanya daripada kitab atau hafalannya (Al-Qadi Iyyad, 1970). Selain itu, hadis yang dibacakan itu telah dihafal oleh syaikh dan muridnya membacakan hadis sambil syaikhnya memegang kitab atau lembaran hadis yang dibacakan (Ibn al-Salah, 2010). Al-Qadi 'Iyyad (1970) menyatakan bahawa al-Bukhari menamakan kaedah ini sebagai (قرأت على فلان – قرء على العرض). Lafaz penyampaian atau *sighah al-ada'* dalam kaedah ini adalah: (قرأت على فلان – أنا أسمع – فأقر به) (Ibn al-Salah, 2010).

2.3 *Al-Kitabah.*

Al-Kitabah dari sudut bahasa ialah surat menyurat (Ibrahim, 1999). Dari sudut istilahnya pula menurut Muaffiq (1993) ialah seorang syaikh menulis sendiri atau dia menyuruh orang lain menulis *riwayatnya* kepada muridnya yang hadir pada ketika itu atau yang tidak hadir di situ. Kaedah ini dilaksanakan dengan meluas dan ia dipraktikkan semenjak awal Islam lagi. Sebagai contoh, surat menyurat rasmi daripada *Khalifah al-Rasyidin* yang mengandungi banyak hadis yang diriwayatkan oleh perawi.

2.4 *Al-Munawalah.*

Al-Munawalah berasal dari perkataan (نَأْوَلَ – يَنَأِلُ – نَأْوَلَهُ) daripada segi bahasa, ia bermaksud pemberian atau penyerahan (Ibrahim, 1999). Manakala pengertian *al-Munawalah* bagi golongan ulama hadis pula ialah: Pemberian atau penyerahan syaikh kepada muridnya kitab untuk diriwayatkan hadis yang terkandung di dalamnya (Al-Qadi Iyyad, 1970; Ibn al-Salah, 2010; Ibn al-Athir, 1963; Al-Suyuthi, 1998; Mahmud al-Tahhan, 2010; Subhi Salih, 1988; SM Hafiz, 2012). Menurut al-Sakhawi (2004), *al-Munawalah* bermaksud:

"إعطاء الشيخ الطالب شيئاً من روياته مع إجازته به صريحاً أو كنایة"

Maksudnya : "Pemberian syaikh kepada muridnya sesuatu daripada periwayatannya bersama ijazah (izin) sama ada secara jelas ataupun kiasan".

Manakala menurut Nur al-Din ‘Itr (1997) pula, pengertian *al-Munawalah* ialah :

"أَن يُعْطِي الشَّيْخُ التَّلَمِيذَ كِتَابًا أَوْ صَحِيفَةً لِيَرْوِيَ عَنْهُ"

Maksudnya : "Pemberian syaikh kepada muridnya kitab atau helaian (lembaran) untuk diriwayat daripadanya".

Pengertian lain bagi *al-Munawalah* ialah apabila syaikh memberikan sesuatu (kitab atau Hadis) kepada muridnya untuk diambil atau diriwayat.

Al-Munawalah ini telah dipraktikkan pada zaman nabi ﷺ lagi. Ini dapat dilihat apabila al-Bukhari (2002) telah meriwayatkan Hadis secara *mu‘allaq* di dalam *bab Kitab al-‘Ilm*.

"أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَتَبَ لِأَمِيرِ السُّرِّيَّةِ كِتَابًا وَقَالَ : [لَا تَقْرَأْهُ حَتَّى تَبْلُغَ مَكَانَ كَذَا وَكَذَا] فَلَمَّا بَلَغَ ذَلِكَ الْمَكَانَ قَرَأَهُ عَلَى النَّاسِ وَأَخْبَرَهُمْ بِأَمْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ."

Maksudnya : "Sesungguhnya Nabi ﷺ telah menulis surat kepada أمير السرية dan bersabda : (Tidak boleh kamu membacanya sehingga sampai ke tempat demikian dan demikian) Ketika beliau sampai, maka beliau membacanya kepada manusia dan menghabarkan perkhabaran atau berita berkaitan arahan daripada Nabi ﷺ".

Menurut al-Baihaqi (2003) dan al-Tabrani (2008) hadis ini berstatus *hasan*. Ibn Hajar al-‘Asqalani (2001) mengkategorikan hadis ini sebagai sahih.

2.5 *Al-Ijazah*.

Al-Ijazah menurut bahasa ialah membenarkan atau mengizinkan (Ibrahim, 1999). Seorang syaikh mengizinkan muridnya meriwayatkan hadis sama ada keizinan itu melalui ucapan atau tulisan, dan sama ada bertemu atau tanpa bertemu. Gambarannya seperti yang dijelaskan oleh Muaffiq (1993) ialah apabila seorang syaikh mengatakan kepada muridnya: "Aku mengijazahkan (izin) kepadamu untuk meriwayatkan dariku demikian". al-Sakhawi (2004) dalam membicarakan pengertian istilah *al-Ijazah* ini mendefinisikannya sebagai: "Keizinan dalam periwatan secara lafaz atau bertulis yang membawa kepada perkhabaran yang diketahui secara umum".

Menurut al-Khatib (2008) pula pengertian *al-Ijazah* adalah:

"هي إباحة المجيز للمجاز له رواية ما يصح عنده أنه حدثه".

Maksudnya: "Ia adalah kebenaran pemberi (syaikh) kepada yang diberi (murid) untuk meriwayatkan apa yang benar daripadanya berkaitan hadisnya".

2.6 *Al-I‘lam*.

Dari sudut bahasa ialah memaklumkan atau memberitahu (Ibrahim, 1999). Manakala daripada segi istilah ialah syaikh memberitahu muridnya di mana sesebuah hadis atau kitab yang diriwayatkannya didengar atau diambil daripada orang lain tanpa memberitahu dengan jelas mengenai *al-Ijazah* (keizinan) atau kebenaran supaya muridnya meriwayatkannya pula kepada orang lain (al-Khatib, 2008). Bukti kaedah ini digunakan pada permulaan Islam sukar dikesan (Muaffiq, 1993).

Al-Qadi ‘Iyyad (1970) memberi gambaran *al-I’lam* seperti berikut:

"هُوَ رَوَايْتُكَ أَحْمَلُ عَنْكَ؟" فِي قُولُ "نَعَمْ" أَوْ يَقُولُ عَلَى ذَلِكَ وَلَا يَمْنَعُهُ".

Maksudnya : *Ini hadis yang diriwayat olehmu? Maka syaikh menjawab “Ya” atau syaikh hanya berdiam tetapi beliau tidak melarang penuntutnya untuk meriwayatkan hadis daripadanya*.

Ibn al-Salah (2010) pula memberi gambaran *al-I’lam* sekiranya syaikh tidak memberi keizinan kepada muridnya untuk meriwayat seperti kata syaikh:

"هَذِهِ مِنْ رِوَايَتِي لَا تَرْوِيْ عَنِّيْ".

Maksudnya: *"Ini adalah riwāyatku, jangan kamu meriwayatkan ia daripadaku"*.

Lafaz di atas menunjukkan terdapat larangan daripada syaikh kepada muridnya untuk meriwayatkan hadis daripadanya. Menurut Ibn al-Salah (2010) lagi sekiranya muridnya meriwayatkan juga hadis itu, maka periwayatannya ditolak.

Pendapat sebahagian besar ulama hadis, fiqh dan usul bersepakat menerima kaedah ini walaupun tidak terdapat lafaz *al-Ijazah* daripada syaikh (al-Ramahurmuzi, 1984; al-Khatib al-Baghdadi, 1998; al-San’ani, 2008). Menurut al-Qadi Iyyad (1970) ia diterima kerana, apabila syaikh hanya berdiam atau tidak memberi maklum balas ketika muridnya meminta keizinan daripadanya, maka keadaan ini samalah dengan muridnya meriwayatkan hadis daripadanya secara lafaz.

2.7 Al-Wasiah.

Al-Wasiah bermaksud memberi kepercayaan untuk menyerahkan sesebuah hadis kepada seseorang supaya dia boleh meriwayatkan hadis-hadis di dalamnya dengan bersandarkan kepada orang yang memberikan kepercayaan untuk menggunakan kitab tersebut (Mahmud al-Tahhan, 1997; Subhi Salih, 1988; al-Khatib, 2008). Kaedah ini amat jarang berlaku dan dipraktikkan oleh ulama-ulama terdahulu (Subhi Salih, 1988). Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib (2008) telah mendatangkan satu contoh kepada kes ini di mana Abu Qilabah Abdullah bin Ziyad al-Basri telah mengamanahkan kitab-kitabnya kepada Ayub al-Sukhtiyani. Sebahagian ilmuwan hadis ada yang mendefinisikan istilah *al-Wasiah* ini sebagai keadaan di mana seorang syaikh mewasiatkan sebuah kitab (Hadis) kepada perawi sebelum beliau berkelana atau di saat nazaknya (Al-Qadi Iyyad, 1970; Ibn al-Salah, 2010; Ibn al-Athir, 1963; Al-Suyuthi, 1998; Mahmud al-Tahhan, 2010; Subhi Salih, 1988; al-Khatib, 2008; SM Hafiz, 2012).

2.8 Al-Wijadah.

Al-Wijadah ialah mendapatkan atau menjumpai kitab seseorang (syaikh) tanpa kebenarannya untuk meriwayatkan hadis-hadis di dalamnya (Al-Qadi Iyyad, 1970; Ibn al-Salah, 2010; Ibn al-Athir, 1963; Al-Suyuthi, 1998; Mahmud al-Tahhan, 2010; Subhi Salih, 1988). Maksud lain, seseorang yang mengambil hadis daripada kitab-kitab tertentu tanpa mendengar atau berjumpa, tanpa *ijazah* (izin) dan mengambilnya untuk diriwayatkan hadis tersebut (Muaffiq, 1993). Dalam lafaz penyampaian hadis atau kitab yang didapati dengan jalan atau kaedah *al-Wijadah*, perawi berkata:

"وَجَدْتُ بِخَطِّ فَلَانَ أَوْ قَرَأْتُ بِخَطِّ فَلَانَ"

Maksudnya: *"Aku dapatkan buku ini dengan tulisan fulan atau aku telah membaca buku ini dengan tulisan fulan"*.

Setelah itu, perawi menyambung dengan menyebut *sanad* dan *matan* (hadis) dengan (أَخْبَرْنَا) (Muaffiq, 1993).

3. KELAYAKAN AL-ADA'

Al-ada' adalah proses menyampaikan hadis oleh perawi. Proses ini berlaku selepas proses *tahammul*. Sekiranya tidak melalui *al-tahammul*, maka proses *al-ada'* tidak berlaku (Muaffiq, 1993). Ketetapan ini adalah untuk memastikan proses penyampaian hadis berlaku dengan sempurna tanpa sebarang keraguan. Ia juga bagi memastikan berlaku kesinambungan terhadap jalan *periwayatan* daripada proses *al-tahammul* dan *al-ada'*. Justeru, ia memelihara hadis daripada kelemahan dan keraguan.

Ulama-ulama Hadis telah menetapkan beberapa syarat kepada individu yang menyampaikan Hadis kepada orang lain (al-Khatib, 2008). Berbeza dengan *al-tahammul*, syarat yang ditetapkan oleh para ulama di dalam kelayakan *al-ada'* adalah lebih terperinci dan strategik. Hal demikian kerana, *al-ada'* memerlukan sifat amanah dan tanggungjawab yang tinggi bagi memastikan apa yang disampaikan itu adalah benar.

Dalam hal ini al-Tahhan (2010) menegaskan bahawa majoriti ilmuan Islam khususnya pakar-pakar ilmu hadis mensyaratkan sekurang-kurangnya dua ciri bagi seseorang perawi yang boleh diterima periwayatannya, iaitu:

1. '*Adalah al-Rawi* (keadilan perawi).

Keadilan bagi seorang perawi merupakan status perawi tersebut. Ia meliputi statusnya sebagai seorang yang beragama Islam, baligh, berakal, bebas daripada sebab-sebab kefasikan iaitu tidak melakukan dosa besar atau berterusan dalam melakukan dosa kecil serta bebas daripada setiap perkara yang mampu mencalarkan maruah dirinya.

2. *Dhabit al-rawi* (kejituhan perawi).

Dhabit al-rawi ialah keadaan memori seseorang perawi yang tepat hafalannya, selamat dari kesalahan atau ragu-ragu dan berkemampuan untuk menghadirkan apa yang dihafalnya apabila diminta pada bila-bila masa. Sifat Dhabit terbahagi kepada dua iaitu *Dhabit Sadriy* dan *Dhabit Kitabiy*.

Perawi yang *Dhabit Sadriy* adalah perawi yang menghafal apa yang didengarnya dan mampu untuk memberitahu apa yang didengar dan dihafalnya sebagaimana dia mendengarnya pada bila-bila masa.

Perawi yang *Dhabit Kitabiy* pula ialah perawi yang benar-benar menjaga catatannya daripada hilang, dicuri, diubah atau diseleweng bermula dari saat dia mencatatnya sehinggalah dia diminta untuk mengemukakan catatannya.

4. OKU PENGLIHATAN DAN ILMU HADIS

Perbahasan mengenai OKU penglihatan dalam ilmu hadis merupakan suatu bahagian penting yang diperincikan disiplin berkaitan penerimaan dan periwayatan golongan ini, kerana mereka merupakan anggota utama yang terlibat dalam mengambil serta menyampaikan hadis-hadis Nabi SAW.

Mereka yang tergolong dalam golongan ini dipanggil dengan beberapa panggilan atau dikenali dengan gelaran “*al-A'ma'*”, “*al-Dharir*” (Ibn Faris, 1979) “*al-A'masy*” dan seumpamanya yang merujuk pada pengertian kekurangan atau hilangnya daya penglihatan. Boleh jadi hal tersebut menimpa sejak awal kelahiran, dan dalam banyak kes menimpa setelah usia semakin lanjut atau disebabkan penyakit.

Golongan ini turut menyumbang usaha yang penting dalam bidang periwayatan sunnah, walaupun sebahagian hal mereka agak berbeza dengan mereka yang celik penglihatan. Para ulama hadis telah bersepakat tidak mensyaratkan kriteria celik penglihatan sebagai faktor penerimaan riwayat, kerana dalam bab ini penggunaan *al-sam'* (pendengaran) lebih utama dalam aspek

kefahaman dan hafalan hadis. Kekurangan dari sudut penglihatan tidaklah mengurangkan kriteria *al-'adalah* (keperibadian) dan *al-dhabit* (kejituhan) perawi.

5. PERANAN DERIA PENGLIHATAN DAN PENDENGARAN DALAM ASPEK PERIWAYATAN

Proses perekodan hadis boleh dibuat menerusi dua cara:

- a) Catatan.
- b) Memori.

Allah SWT berfirman di dalam Surah Taha pada ayat ke-46:

قَالَ لَأَ تَخَافُ إِنِّي مَعْلُومٌ أَسْمَعُ وَأَرَى

Maksudnya: “*Janganlah kamu takut, sesungguhnya Aku ada bersama-sama kamu; Aku mendengar dan melihat segala-galanya*”.

Ayat ini menjelaskan kepentingan kedua-dua deria yang berfungsi bagi menjayakan kedua-dua cara yang menjadi tunjang bidang periwayatan hadis.

Melalui kaedah tulisan, perawi akan mencatat hadis-hadis yang diterima dan membandingkan dengan naskah-naskah tulisan lain demi memelihara keaslian hadis yang diterima. Deria yang digunakan ialah penglihatan menerusi mata yang merakamkan imej-imej atau tulisan-tulisan atau seumpamanya yang dilihat.

Perawi yang menggunakan kaedah ini akan dinilai dari sudut *al-wa'y* (kepekaan), dan *al-itqan* (ketekunan) mereka dalam merakamkan hadis-hadis.

Namun kaedah ini tidak terpakai pada para perawi yang kurang daya penglihatan. Mereka tidak mampu menulis ketika proses *al-akhdz* (penerimaan) hadis jika keadaan mereka sememangnya telah sedia kehilangan daya penglihatan ketika itu, ataupun ketika proses *al-ada'* (penyampaian) hadis yang menjadikannya tidak mampu untuk merujuk kepada sebarang catatan kerana tidak mampu melihat. Justeru golongan ini akan lebih menumpukan pada kaedah kedua iaitu hafalan.

Menerusi kaedah hafalan, mereka akan merakamkan dalam memori mereka apa yang didengari menerusi deria pendengaran.

Allah SWT berfirman di dalam Surah Qaf ayat ke-37:

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِمَنْ كَانَ لَهُ دُرْجَةٌ أَوْ أَلْقَى الْسَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya (keterangan-keterangan dan peristiwa-peristiwa) yang tersebut itu, tidak syak lagi mengandungi pengajaran bagi sesiapa yang mempunyai hati (yang sedar pada masa membacanya) atau yang menggunakan pendengarannya dengan bersungguh-sungguh (kepada pengajaran itu) dengan menumpukan hati dan fikiran kepadanya*”.

Dalam ayat ini Allah SWT menjelaskan kepentingan deria pendengaran yang mampu memberi kesan atau implikasi terhadap hati atau akal. Bahkan dalam al-Quran kebanyakan ayatnya mendahului sebutan “السماع” (pendengaran) dari “البصر” (penglihatan) sebagai petanda bahawa deria pendengaran lebih utama daripada deria penglihatan.

Ibn Hajar al-Haitami al-Makki (2010) menyebut beberapa faktor keutamaan deria pendengaran berbanding penglihatan di dalam Quran, antaranya:

- i. Sensitiviti pendengaran lebih tinggi dari penglihatan.

- ii. Kerana Allah mengaitkan kehilangan pendengaran dengan kehilangan akal (surah Yunus ayat ke-42):

وَمِنْهُمْ مَنْ يَسْتَمِعُونَ إِلَيْكُمْ أَفَأَنْتَ تُسْمِعُ الْأَصْمَمَ وَلَوْ كَانُوا لَا يَعْقِلُونَ

Maksudnya: “Dan di antara mereka (yang ingkar) itu, ada yang datang mendengar ajaranmu (dengan tidak mendapat faedah sedikitpun sebagai orang pekak); maka engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa menjadikan orang-orang yang pekak itu mendengar, juga kalau mereka menjadi orang-orang yang tidak mahu memahami perkara yang didengarnya”.

- iii. Kerana akal mendapat faedah melalui mendengaran lebih banyak dari melalui penglihatan sebagaimana yang disebut al-Qadhi al-Baydhawi.
iv. Kerana Allah mendahuluikan pendengaran dari penglihatan ketika menggandingkannya dalam banyak ayat-ayat al-Quran. Maka secara umumnya ia lebih utama selagi tiada dalil yang menyanggahnya.
v. Kerana para Nabi AS ada yang buta, namun tiada pula dari kalangan mereka yang pekak, kerana pekak menghalang proses penyampaian risalah, berbeza dengan buta.
vi. Deria pendengaran dapat digunakan dengan lebih meluas bahkan sekeliling keadaan walaupun dalam keadaan gelap, sedangkan deria penglihatan hanya dapat digunakan dengan sudut yang terhad mengikut kemampuan kerlingan mata dan cahaya.
vii. Kerana Allah menjadikannya punca dibebaskan dari azab menerusi firmannya (surah al-Mulk ayat ke-10):

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ الْسَّعِيرِ

Maksudnya: “Dan mereka berkata: Kalau-lah kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli Neraka”.

- viii. Kerana risalah para Rasul dikenali semata-mata melalui penampakan susuk tubuh mereka, bahkan melalui mesej yang didengari, lalu kemudian dicatat.

Masyarakat Arab Hijaz di era Jahiliah dan era awal Islam mempunyai daya memori yang luar biasa kerana tidak bergantung pada tulisan oleh sebab kelewatannya mereka memperolehi teknologi tersebut, sebaliknya banyak bergantung pada aspek *musyafahah* (pengambilan secara lisan) menggunakan deria pendengaran semata-mata.

6. STATUS HUKUM PERIWAYATAN OKU PENGLIHATAN

Di dalam Fath al-Mughith al-Sakhawi (2004) menjelaskan bahawa para ilmuwan hadis bersepakat menerima riwayat OKU penglihatan secara umumnya jika mereka memiliki *dhabit al-sawt* (deria pendengaran terhadap suara yang baik), berdasarkan kepada dalil-dalil berikut:

- Para isteri Nabi SAW (*ummahat al-mukminin*) menyampaikan hadis-hadis kepada para sahabat RA atau tabi'in di sebalik hijab atau tirai. Justeru kelibat mereka tidak kelihatan sama seperti kondisi orang buta.
 - Hadis Ibn 'Umar RA, bahawa Nabi SAW menyuruh Bilal bin Rabah untuk azan fajar yang pertama, kemudian apabila subuh telah masuk, Ibn Umm Maktum pula yang diamanahkan untuk melaungkan azan. Kata Ibn 'Umar: “Beliau (Ibn Umm Maktum) merupakan seorang yang buta dan tidak akan azan melainkan setelah diberitahukan kepadanya: Telah masuk subuh, telah masuk subuh” (al-Bukhari, 2002).
- Kata al-'Asqalani (2001): “Hadis ini menunjukkan keharusan bergantung pada suara dalam periwayatan jika dia mengenalinya, walaupun tidak melihat perawi”.

Manakala pandangan Syu'bah bin al-Hajjaj (Ibn al-Salah, 2010) - yang mengatakan: “*Jika seorang muhaddith menyampaikan hadis kepadamu dan kamu tidak melihat wajahnya, maka jangan kamu riwayatkan darinya, kerana barangkali dia merupakan syaitan menyamar yang berkata: Haddathana dan akhbarana*” - pula merupakan pandangan yang ganjil dan pelik sebagaimana yang disebut oleh Ibn Kathir (2013), dan menyelisihi kebenaran sebagaimana yang dikatakan oleh al-Nawawi (1998). Boleh jadi beliau mengatakan sedemikian jika hadis yang disampaikan perawi yang tidak kelihatan tersebut kedengaran ganjil atau perawinya sengaja tidak memunculkan diri tanpa alasan (al-Sakhawi, 2004).

7. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Status OKU penglihatan tidak menjelaskan aspek ‘*adalah*’ (keperibadian) dirinya sebagai perawi, namun hanya aspek *dhabit* (kejituhan)nya yang akan diambil kira baik dari sudut tulisan maupun hafalan. Dalam situasi mereka kejituuan mereka diukur dari sudut mengenali suara dan merakamkannya dengan baik.

Ketidakupayaan penglihatan bukanlah suatu keaiban dalam proses periwayatan, bahkan ia merupakan situasi yang turut menimpa pembawa risalah kenabian seperti Nabi Syu’ayb dan Nabi Ya’qub. Dalam kalangan para Sahabat Nabi SAW yang meriwayatkan hadis terdapat juga mereka yang berstatus OKU penglihatan seperti: Abdullah Ibn Umm Maktum RA dan ‘Utban bin Malik RA. Sebahagian mereka pula yang terjejas teruk penglihatan ketika telah tua seperti Ibn ‘Abbas RA, Ibn ‘Umar RA, Jabir RA, Wathilah bin al-Asqa’ RA. Dalam kalangan ulama atau perawi hadis terkenal selepas mereka terdapat pula tokoh-tokoh yang berstatus OKU penglihatan seperti: Sulayman bin Mihran al-A’masy, Abu Mu’awiyah Muhammad bin Khazim al-Dharir al-Kufi, Abu Bisyr Sahl bin Bakkar al-Dharir al-Basri, Abu ‘Umar Hafs bin ‘Umar al-Basri, Imam al-Tirmidzi pengarang *al-Jami’*, Abu Ma’syar Hamdawayh bin al-Khattab al-Bukhari, Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muhammad al-Razi, Abu Bakr Muhammad bin Abi Ghlib al-Baghdaadi, dan ramai lagi, yang mana kesemua riwayat mereka bertebaran dalam kitab-kitab hadis.

Terdapat keperluan untuk mendalami dan membuat kajian ke atas topik ini secara terperinci, kerana selain daripada kaedah al-Tahammul dan al-Ada’ yang pertama iaitu al-Sama’, penelitian perlu dilakukan untuk menilai sejauh manakah OKU Penglihatan berkelayakan untuk mengamalkan kaedah *Al-Qira’ah*, kaedah *Al-Kitabah*, kaedah *Al-Munawalah*, kaedah *Al-Ijazah*, kaedah *Al-I’lam*, kaedah *Al-Wasiah* dan juga kaedah *Al-Wijadah*. Isu ini timbul kerana pada kaedah-kaedah tersebut terdapat keperluan terhadap penggunaan deria penglihatan serta unsur-unsur visual yang perlu dimiliki oleh pengamalnya.

RUJUKAN

- Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain. 2003. *al-Sunan al-Kubra*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Beirut.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Dar Ibn Kathir. Damascus
- al-Haitami, Ahmad Ibn Hajar. 2010. *Al-Fatawa al-Hadisiyyah*. Mustafa al-Babi al-Halabi. Kaherah.
- Al-Khatib al-Baghdadi. 1988. *Al-Kifayah fi ‘Ilm al-Riwayah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah Beirut.
- Al-Khatib, Muhammad ‘Ajjaj. 2008. *Usul al-Hadis ‘Ulumuhu wa Mustalahu*. Dar al-Fikr. Beirut.
- Al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf. 1998. *Taqrib ‘Ulum al-Hadis*. Terbitan bersama Tadrib al-Rawi. al-Maktabah al-‘Ilmiyyah. Madinah.
- Al-Qadhi Iyadh bin Musa. 1970. *al-Ilma’ ila Usul al-Riwayah wa Taqyid al-Sama’*. Cetakan pertama Dar al-Turath.
- Al-Ramahurmuzi, al-Hasan bin ‘Abd al-Rahman. 1984. *Al-Muhaddith al-Fasil Bayna al-Rawi wa al-Wa’iy*. Dar al-Fikr. Beirut.
- Al-Sakhawi, Muhammad bin ‘Abd al-Rahman. 2004. *Fath al-Mughith Syarah Alfiyyah al-Hadis*. Dar al-Manahij. Makkah.
- Al-San’ani, Muhammad bin Ismail. 2008. *Taudhibh al-Afkari Ma’ani Tanqih al-Anzhar*. Maktabah al-Salafiyyah. Madinah al-Munawwarah.
- Al-Suyuti, Jalaluddin bin Abd al-Rahman. 1998. *Tadrib al-Rawi Fi Syarh Taqrib al-Nawawi*. Maktabah Nazar Mustafa al-Baz. Makkah al-Mukarramah
- Al-Tabrani, Sulaiman bin Ahmad. 2008. *Al-Mu’jam al-Kabir*. Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Al-‘Asqalani, Ibn Hajar. 2001. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Riasah Idarah al-Buhuth al-Ilmiyyah a al-Irsyad. Arab Saudi.
- Ibn Faris, Ahmad Abu al-Husayn. 1979. *Mu’jam Maqayis al-Lughah*. Dar al-Jayl. Beirut
- Ibn Manzhur, Jamaluddin Muhammad al-Ifriqi al-Misri. *Lisan al-‘Arab*. Dar Sadir. Beirut.
- Ibn Kathir, Isma’il bin Abi Hafs. 2013. *Ikhtisar ‘Ulum al-Hadis*. Al-Miman li al-Nashr wa al-Tawzi’. Riyadh.
- Ibrahim Mustafa. 1999. *Mu’jam al-Wasith*. Edisi ke-5. Cetakan Da’irah al-Ma’arif, Mesir.
- Ibn al-Salah. 2010. *Muqaddimah Ibn al-Salah fi Ulum al-Hadis*. Abdullah bin al-Mansyawi (pnyt). Dar al-Hadis Kaherah.
- Ibn al-Athir, Majid al-Din al-Sa’adat al-Mubarak bin Muhammad. 1963. *Jami’ al-Usul fi Ahadis al-Rasul*. Muhammad Hamid (pnyt). Maktabah Dar al-Bayan.
- Mahmud al-Tahhan. 2010. *Taysir Mustalah al-Hadis*. Maktabah li al-Tauzi’. Riyadh.
- Muaffiq bin Abdillah. 1993. *Tawtheeq al-Nusus wa Dhabtuha ‘Inda al-Muhaddithin*. Al-Maktabah al-Makkiyyah.
- Nur al-Din ‘Itr. 1997. *Manhaj al-Naqd fi ‘Ulum al-Hadis*. Cetakan ke-3. Dar al-Fikr. Dimashq.
- Subhi al-Salih. 1988. *Ulum al-Hadis wa Mustalahuh*. Dar al-‘Ilm li al-Malayin. Beirut.